



ABDULLAH Ahmad Badawi mencuba motosikal Cruise keluaran Naza Bikes sambil diperhatikan oleh SM Nasimuddin SM Amin semasa melancarkan motosikal dan skuter Naza di Sheraton Imperial, Kuala Lumpur malam tadi. — Gambar ASWAD YAHYA

# PM lancar enam model baru motosikal, skuter Naza

Oleh FAUZIAH AROF

KUALA LUMPUR 6 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam ini melancarkan enam model motosikal dan skuter Naza keluaran Naza Bikes Sdn. Bhd. dengan kerjasama rakan teknologinya dari Korea Selatan.

Enam model tersebut yang berkapasiti 110cc hingga 650cc dikeluarkan di kilang Naza Bikes di Shah Alam, yang mempunyai kapasiti pengeluaran 50,000 unit setahun.

Majlis pelancaran itu disem-

purnakan di Hotel Sheraton Imperial di sini.

Model motosikal berkapasiti 110cc dan 125cc, masing-masing dinamakan Prisma 110 dan Prisma 125 sementara skuter berkapasiti 150cc dinamakan Gemilang II dan Easy Rider berkapasiti 250cc dinamakan Cruise.

Street Bike berkapasiti 250cc dan 650cc pula masing-masing dinamakan Blade 250 dan Blade 650.

Motosikal dan skuter berkenaan berharga antara RM3,600 dan RM25,765 sebuah.

Naza Bikes memperkenalkan dua model baru pada akhir tahun lepas dengan dua model skuter 150cc Gemilang dan 125cc Symphony.

Perdana Menteri kemudian menerima skuter Gemilang II dan motosikal Cruise dari Naza Bikes bagi pihak Yayasan Budi Penyayang.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat-Syarikat Naza, Tan Sri SM Nasimuddin SM Amin, Duta Korea ke Malaysia, Lee Young June dan Naib Presiden Kumpulan Chongqing

Zongshen di China, Jang Zhimin.

Dalam ucapannya pada majlis itu, Abdullah mahu pengusaha automotif dan motosikal supaya bertindak bijak dalam mencari rakan kongsi yang dapat memberi penuh persefahaman terutama dalam aspek pemindahan teknologi dan kemahiran.

Beliau berkata, pemindahan teknologi bukanlah proses yang mudah kerana ia bergantung kepada keupayaan penyerapan penerima, di samping persediaan rakan kongsi itu sendiri.

UM - 7/7/2004: 1